

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

UMNO meraikan Tun Hussein Onn

KUALA LUMPUR. Selasa — UMNO akan mengadakan satu majlis jamuan makan malam bagi meraikan bekas presidennya, Tun Hussein Onn, di sebuah hotel terkemuka di sini 22 Januari depan.

Kira-kira 1,000 orang pemimpin UMNO dijangka menghadiri majlis itu sebagai mengenang jasa bekas Perdana Menteri yang meletakkan jawatan presiden parti pada 26 Jun lalu.

Setiausaha agung UMNO, Datuk Mustaffa Jabar, berkata hari ini, jempunan khas malam itu termasuk pemimpin-pemimpin lama UMNO seperti Tunku Abdul

Rahman dan Tun Sardon Jubir serta ahli-ahli Majlis Tertinggi parti.

Turut dijemput ialah Ahli-ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri UMNO serta senator UMNO.

Bahagian UMNO masing-masing akan diwakili oleh lima orang, iaitu ketua bahagian, timbalan ketua, setiausaha dan ketua-ketua Pergerakan Pemuda dan Wanita.

Datuk Mustaffa berkata, sebuah jawatankuasa khas yang dipengerusikan oleh Menteri Penerangan, Datuk Mohamed Rahmat telah dilantik untuk mengatur segala persiapan majlis itu. — Bernama.